

# Tiada sebab sekatan penubuhan MLO

B.M.S - JUN 1989

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan tidak mempunyai sebab untuk menghalang penubuhan sebuah badan pusat baru bagi kesatuan sekerja sekiranya itu yang dikehendaki oleh pekerja, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan berpendirian bahawa ia tidak berhak menghalang penubuhan badan pusat seperti itu dan pada masa yang sama tidak akan terbabit dengan penubuhan mana-mana badan pusat baru untuk kesatuan sekerja.

Beliau menjelaskan pekerjalah yang berhak memutuskan sama ada mereka memerlukan sebuah badan pusat baru bagi kesatuan sekerja selain daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Datuk Seri Dr Mahathir berkata soal sama ada kerajaan akan menyokong penubuhan Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) sebagai badan alternatif kepada MTUC yang didakwa mempunyai kepentingan politik, tidak timbul sama sekali.

"Kerajaan tidak akan terbabit dengan penubuhan mana-mana badan pusat baru tetapi jika MLO didaftarkan, tidak ada sebab untuk kerajaan mengatakan mereka (MLO) tidak wujud," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Mengenai kemungkinan MLO ditubuhkan berikutan kenyataan beliau sebelum

---

Oleh HISHAMUDDIN AUN

---

ini bahawa MTUC tidak harus dijadikan sebagai platform politik, Perdana Menteri berkata, kesatuan sekerja bebas membuat interpretasi sendiri.

"Kenyataan saya ialah selagi pemimpin parti lawan menguasai MTUC, kita akan anggap MTUC sebagai sebahagian daripada parti lawan kerana pendapat mereka (MTUC) tidak berbeza daripada parti lawan.

"Kita bercakap dengan dia (MTUC) pun, seolah-olah dia parti pembangkang dan bukan kesatuan sekerja," katanya.

Perdana Menteri juga membuat andaian bahawa MTUC mungkin dianggap sebagai penyokong kerajaan sekiranya kerajaan buruh yang memerintah suatu hari nanti tetapi menegaskan kerajaan yang ada sekarang tidak berniat untuk bersifat demikian.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, beliau bersedia menemui pemimpin MTUC termasuk Setiausaha Agungnya, Encik V David, berikutan surat daripada MTUC yang diterimanya tiga hari lalu.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak faham bagaimana MTUC mendakwa sebagai badan yang mewakili pekerja sedangkan tindakan pemimpinnya sendiri bertentangan dengan kepentingan pekerja termasuk membuat desakan supaya Skim Keutamaan Am (GSP) yang diberi oleh Amerika Syarikat ditarik balik.